

Mengenal Pasti Tahap Perkembangan Kemahiran Motor Kasar Dalam Aktiviti Lokomotor Bagi Kanak-Kanak Prasekolah

Nur Emmila Mohd Razali¹, Nur Suhaidah Sukor²
Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu Sabah^{1,2}

nuremmilamohdrazali@gmail.com¹, nursuhaidahsukor@ums.edu.my²

Received: 28 September 2023 | Accepted: 15 October 2023 | Published: 01 December 2023

ABSTRAK

Kajian yang dilaksanakan untuk mengenal pasti tahap penguasaan kanak-kanak prasekolah dalam kemahiran motor kasar melalui aktiviti lokomotor. Objektif kajian yang dijalankan adalah mengenal pasti perbezaan skor min Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi kanak-kanak. Perkembangan kemahiran lokomotor kasar kanak-kanak dikaitkan dengan peringkat usia mereka dalam menguasai sesuatu tahap perkembangan. Menurut Irwan, et al, 2017 menjelaskan bahawa tahap perkembangan usia kanak-kanak mempengaruhi keupayaan mereka dalam menjalani sesuatu aktiviti fizikal yang diberikan. Kajian dijalankan selama lapan minggu di sebuah sekolah di Negeri Sabah. Seramai 20 orang kanak-kanak prasekolah berusia enam tahun dipilih. Terdapat enam aktiviti fizikal yang dilaksanakan iaitu berjalan, berlari, melompat, menggelongsor, membaling dan menyepak. Hipotesis Null dalam kajian adalah tidak terdapat perbezaan skor min Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi kanak-kanak. Reka bentuk kajian adalah kajian kuantitatif menggunakan Ujian Pra dan Ujian Pasca melalui Senarai Semak enam aktiviti fizikal. Data yang diperolehi akan dianalisis secara diskriptif menggunakan perisian IBM SPSS. Dapatan kajian analisis deskriptif Ujian Pra mencatatkan (min=11.60, SP =1.667) dan analisis deskriptif untuk Ujian Pasca mencatatkan (min=11.70, SP=1.455). Analisis mendapati skor min tertinggi adalah ujian pasca (m=11.70). Aktiviti intervensi selama empat minggu membantu kanak-kanak menguasai kemahiran fizikal motor kasar dengan baik. Penguasaan kemahiran fizikal yang dikuasai oleh kanak-kanak dipengaruhi oleh kekerapan melaksanakan aktiviti intervensi yang dijalankan selama dua sesi. Implikasi kajian membantu guru mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran motor kanak-kanak sama ada mengikut peringkat usia kanak-kanak atau pun tidak. Guru merekodkan tahap prestasi yang ditunjukkan oleh kanak-kanak dalam buku prestasi untuk memudahkan guru melihat tahap perkembangan penguasaan yang ditunjukkan oleh kanak-kanak. Cadangan kajian untuk kajian lanjutan adalah menambah aktiviti fizikal yang lain untuk mendapatkan hasil dapatan dan data yang lebih banyak dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Diharapkan kajian yang dilaksanakan dapat memberikan penjelasan dan pengetahuan dalam perkembangan motor kasar kanak-kanak pada masa akan datang. Dalam masa yang sama, guru dan ibu bapa saling bantu-membantu dalam meningkatkan tahap penguasaan kemahiran fizikal kanak-kanak.

Kata Kunci: Kemahiran Motor Kasar, Prasekolah, Aktiviti Fizikal, Intervensi, Kanak-kanak

ABSTRACT

Studies were conducted to identify the level of mastery of preschoolers in gross motor skills through locomotor activity. The objective of the study was to identify differences in the mean score of the Pre-Test and Post Test for children. The development of children's gross locomotor skills is associated with their age in mastering a certain level of development. According to Irwan, et al, 2017 explains that the level of age development of children affects their ability to undergo a given physical activity. The study was conducted for eight weeks at a school in Sabah. A total of 20 six-year-old preschoolers were selected. There are six physical activities carried out which are walking, running, jumping, sliding, striking and kicking. The Null hypothesis in the studies was that there was no difference in the mean score of the Pre-Test and the Post-Test for children. The study design is a quantitative study using the Pre-Test and Post Test through the Checklist of six physical activity. The data obtained will be analyzed descriptively using IBM SPSS software. The findings of the Pre-recorded Test descriptive analysis study (mean=11.60, SP =1.667) and descriptive analysis for Post-Test recorded (mean=11.70, SP=1.455). The analysis found that the highest mean score was the Post-Test (m=11.70). Four-week intervention activities help children master gross motor physical skills well. The mastery of physical skills mastered by children is influenced by the frequency of carrying out intervention activities carried out over two sessions. The implications of the study helped teachers identify the level of mastery of children's motor skills whether according to the age of the child or not. The teacher records the level of performance shown by the child in the performance book to make it easier for the teacher to see the level of development of mastery shown by the child. The study recommendation for further studies is to add other physical activity to get more results and data and have high reliability. It is hoped that the studies carried out will provide explanations and knowledge in the development of children's rough motors in the future. At the same time, teachers and parents help each other in improving the level of mastery of children's physical skills.

Keywords: Gross Motor Skills, Preschool, Physical Activity, Intervention, Children

PENGENALAN

Kanak-kanak merupakan satu istilah yang selalu dikaitkan sebagai satu tempoh untuk seseorang mengalami proses pertumbuhan dan perkembangan yang pesat. Fasa perkembangan kanak-kanak merupakan masa yang paling penting untuk merangsang kebolehan motor mereka kerana perkembangan sistem saraf bermula pada awal usia dan perkembangan yang dihasilkan akan mmebantu mempercepatkan perkembangan kemahiran motor. Kemahiran motor merupakan satu kebolehan untuk mengeluarkan suatu unsur perlakuan yang berhubung dengan persekitaran tertentu. Kemahiran motor terbahagi kepada

kemahiran motor halus dan kemahiran motor kasar yang akan berkembang sejajar dengan peningkatan umur kanak-kanak.

Tahap penguasaan kemahiran fizikal meningkat disebabkan kanak-kanak gembira menjalinkan hubungan yang positif bersama-sama rakan di dalam kelas dan berseronok melaksanakan aktiviti fizikal (Ying & Koh, 2021). Sesetengah ibu bapa leka dan lalai membiarkan kanak-kanak menggunakan gajet iaitu telefon pintar tanpa had sehingga menyebabkan kanak-kanak tidak berminat untuk melaksanakan aktiviti fizikal yang dijalankan. Kanak-kanak beranggapan melaksanakan aktiviti fizikal adalah membuang masa dan melelahkan tubuh badan mereka sahaja. Namun begitu, mereka tidak mengetahui bahawa aktiviti fizikal membantu meningkatkan perkembangan psikomotor seperti motor kasar kanak-kanak untuk menjadi lebih aktif di masa depan (Dinkel, et al, 2021).

Guru di peringkat prasekolah perlu melaksanakan aktiviti fizikal secara berterusan untuk membantu melihat kemampuan badan dan pergerakan lokomotor yang boleh dicapai setiap kanak-kanak. Aktiviti di kelas sebenarnya memberikan kesan positif di mana kanak-kanak lebih cergas dan boleh membantu kanak-kanak memahami persekitaran dengan lebih baik (Segura-Martinez, et al, 2021). Setiap aktiviti fizikal perlu dilaksanakan sebanyak beberapa kali untuk melihat perkembangan yang berlaku dalam diri kanak-kanak.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Pendidikan awal kanak-kanak merupakan pendidikan yang penting dalam membantu kanak-kanak dari segi perkembangan fizikal, emosi, sahsiah, intelek dan jasmani mereka. Pelbagai bentuk pembelajaran yang boleh dilaksanakan bagi membantu perkembangan diri kanak-kanak seperti menjalankan pembelajaran berpusatkan murid, pembelajaran berpusatkan bahan dan pembelajaran berpusingkan guru. Kanak-kanak perlu mengetahui bahawa penggunaan gajet secara berleluasa mempengaruhi setiap perkembangan yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak dengan baik (Mohd Fazree & Zakaria, 2019).

Sesetengah ibu bapa tidak mengambil berat dan tidak peka dengan kesan masa panjang terhadap kesihatan kanak-kanak dan perkembangan yang terbantut terutamanya kanak-kanak masih dalam proses perkembangan nueron (Samsuddin & Md Yusof, 2020). Ibu bapa perlu mengetahui bahawa kepentingan belajar melalui bermain mampu meningkatkan perkembangan diri kanak-kanak dengan lebih baik. Pembelajaran berasaskan bermain mempengaruhi pemikiran kreatif kanak-kanak kerana mereka belajar untuk meneroka dan mencari maklumat sebaik mungkin untuk pembelajaran mereka (Emison, et al, 2022). Dalam kajian yang dilaksanakan Adimayanti dan Siyamti, (2020), menjelaskan bermain adalah satu aktiviti yang wajar untuk dilakukan kerana melalui aktiviti bermain, kanak-kanak dapat menambah pengalaman mereka dan meningkatkan pengetahuan dalam aspek kognitif, lokomotor, emosi dan sosial mereka.

National Association for Education of Young Children (NAEYC), menjelaskan pembelajaran kanak-kanak berdasarkan amalan yang bersesuaian dengan perkembangan ataupun *Developmentally Appropriate Practices (DAP)* (Susanto, 2021). Ciri utama DAP adalah kanak-kanak digalakkan untuk aktif meneroka persekitaran mereka, mampu memanipulasikan objek wujud dan

belajar melalui pengalaman sebenar dalam aktiviti '*hands-on*' (Seman, et al, 2022). Ini menjelaskan bahawa ibu bapa tidak boleh memandang remeh perkara tersebut dan perlu menyediakan persekitaran kondusif bersesuaian dengan peringkat usia kanak-kanak.

PENYATAAN MASALAH

Pendekatan belajar melalui bermain dapat menimbulkan perasaan gembira dan berdaya saing dalam kalangan kanak-kanak. Guru perlu mengubah gaya pengajaran tradisional untuk mengelakkan kanak-kanak cepat bosan dan hilang tumpuan di dalam kelas (KSPK, 2017). Keterujaan menggunakan gajet menyebabkan kanak-kanak kurang melakukan aktiviti fizikal di mana menyebabkan perkembangan fizikal mereka terbantut. Keterujaan menggunakan gajet memberikan kesan negatif terhadap postur badan kanak-kanak kerana mereka hanya duduk dalam menggunakan gajet untuk satu tempoh masa yang lama sambil tertunduk-tunduk. Perkara ini menyebabkan mereka berisiko untuk bongkok atau sakit belakang pada masa akan datang (Ngadiman & Mohamad Ashari, 2018).

Kanak-kanak yang terdedah dengan gajet menjadi lebih malas untuk beriadah dan aktif melakukan pergerakan fizikal. Mereka lebih cenderung untuk melaksanakan aktiviti seperti bermain permainan dalam talian, tidur atau melayari media sosial kerana beranggapan aktiviti sebegini tidak memenatkan fizikal mereka (Khadir, et al, 2013). Kanak-kanak beranggapan aktiviti fizikal seperti berlari, berjalan atau bermain bola menyebabkan badan mereka berbau peluh (Heohner, et at, 2011).

Selain itu, kanak-kanak yang tidak aktif berpotensi menghadapi masalah obesiti atau berat badan yang berlebihan. Masalah obesiti menyebabkan mereka sukar melaksanakan aktiviti fizikal kerana cepat penat dan tidak bertenaga. Kenaikan berat badan yang berlebihan disebabkan mereka hanya duduk di sesuatu tempat dalam tempoh yang lama kerana lalai dengan gajet (MD, et al, 2011). Sesetengah kanak-kanak mengalami masalah obesiti kerana kekurangan fasiliti untuk bersukan di kawasan kediaman dan kawasan yang tidak selamat untuk menjalankan aktiviti fizikal menjadi alasan utama mereka.

OBJEKTIF KAJIAN

Berikut merupakan objektif bagi kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji:

1. Menenal pasti perbezaan skor min Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi kanak-kanak.

SOROTAN LITERATUR

Pengkaji menggunakan beberapa teori seperti Teori Perkembangan daripada Arnold Gesell dan Jean Piaget serta Teori Konstruktivisme daripada Vygotsky. Dalam teori Perkembangan, Gesell menekankan kematangan biologi yang memerlukan individu mengalami perkembangan tingkah laku mengikut peringkat usia mereka. Beliau mempercayai bahawa pendidikan bebas perlu diperolehi oleh kanak-kanak tanpa dipaksa untuk mencapai sesuatu peringkat yang diinginkan. Bacthiar., 2012, menyatakan Gesell berhasil mengubah gagasan Rousseau berkenaan kekuatan perkembangan dalam diri kanak-kanak menjadi prinsip menuntut pengajaran, makna kehidupan dengan lebih luas. Oleh itu, perkembangan yang dialami oleh setiap individu adalah berlainan mengikut tahap penguasaan masing-masing.

Manakala Jean Piaget menjelaskan bahawa tingkah laku kanak-kanak yang diukur hendaklah bersesuaian dengan pengetahuan yang dimiliki oleh mereka. Menurut (Nuryati & Darsinah, 2021), menyatakan bahawa teori Piaget merujuk bagaimana seseorang membesar, menyesuaikan diri mereka dan berubah mengikut peredaran usia mereka melalui perkembangan fizikal, perkembangan sahsiah, perkembangan sosioemosi, perkembangan kognitif dan perkembangan afektif. Piaget memperkenalkan aspek penting dalam perkembangan tingkah laku dan perkembangan kognitif iaitu skema, asimilasi, akomodasi dan perimbangan. Hal ini disebabkan Piaget menjelaskan bahawa tingkah laku seseorang individu terutamanya kanak-kanak boleh dilihat melalui tindakan mereka memberikan respon dalam melakukan sesuatu perkara.

Seterusnya, Teori Scaffolding yang dipelopori Vygotsky bertujuan untuk mengubahsuaikan tahap sokongan yang telah diberikan dalam Zon Perkembangan Proksimal. Beliau menyatakan bahawa interaksi yang berlaku merupakan satu alat yang penting semasa proses perencahan untuk mendapatkan konsep-konsep baharu dan lebih sistematik. Scaffolding ini memberikan kanak-kanak bantuan pada awal pembelajaran dan bantuan yang diberikan akan berkurangan sedikit demi sedikit untuk memberi ruang kepada kanak-kanak mempelajari perkara tersebut dengan bantuan diri sendiri.

Teori konstruktivisme adalah satu fahaman pengetahuan atau konsep dibina oleh kanak-kanak untuk berfikir secara aktif, berkongsi pengalaman dan saling membina pengetahuan baharu. (Muhibbin & Arif, 2020), menjelaskan bahawa teori konstruktivisme adalah konsep kepada pembelajaran yang bermula daripada sebuah pemahaman terhadap proses pembelajaran yang dilalui oleh kanak-kanak itu sendiri.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif jenis Kuasi-Eksperimental untuk mengenal pasti objektif kajian yang dirancang. Responden kajian yang terdiri daripada 20 orang kanak-kanak Prasekolah SK Rampayan Menggatal yang berusia enam tahun. Pengkaji menggunakan senarai semak

untuk mencatat tahap penguasaan kanak-kanak semasa melaksanakan aktiviti fizikal dan menggunakan persampelan rawak mudah. Data dianalisis menggunakan perisian statistik IBM SPSS untuk analisis deskriptif yang dilaksanakan.

ANALISIS DATA

Data kajian diperolehi melalui ujian pra dan pasca di mana pengkaji akan memberikan ujian pra terlebih dahulu kepada murid sebelum melaksanakan aktiviti fizikal. Ujian pra ini bertujuan untuk mengukur sejauh mana pengetahuan kanak-kanak dalam melaksanakan setiap pergerakan fizikal. Manakala ujian pasca berlaku selepas intervensi aktiviti senaman dijalankan bagi melihat keberkesanan penguasaan aktiviti fizikal setelah melakukan intervensi. Item dalam ujian pra dan ujian pasca adalah sama sahaja namun ujian pasca akan diberikan selepas aktiviti senaman dilaksanakan empat minggu.

Ujian pra dan pasca amat penting untuk dilaksanakan bagi membantu mengumpul maklumat yang jelas bagi mengetahui tahap penguasaan kemahiran lokomotor kasar melalui aktiviti fizikal yang dilakukan oleh kanak-kanak. Setiap pergerakan aktiviti fizikal akan dinilai menggunakan skala likert (1: Tidak Menguasai, 2: Sederhana, 3: Menguasai). Setiap kanak-kanak akan dinilai menggunakan skala likert tersebut dan penilaian dilakukan berdasarkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KPM, 2017). Jadual 1 merupakan senarai semak untuk Ujian Pra dan Ujian Pasca yang dijalankan.

Jadual 1 Senarai Semak Ujian Pra dan Ujian Pasca Tahap Penguasaan Perkembangan Locomotor Kasar Melalui Aktiviti Fizikal

Ujian Perkembangan Locomotor Kasar						
Nama:		Tarikh:	Ujian Pra	Ujian Pasca		
Umur:						
Jantina:						
Ujian Kemahiran Aktiviti Locomotor Kasar						
Aktiviti Fizikal	Pergerakan / Kriteria	Ujian Pra		Ujian Pasca		Jumlah
		U1	U2	P1	P2	
<i>1. Walking</i>	1. Berjalan secara perlahan.					
	2. Hujung kaki hendaklah menghala lurus ke hadap dengan sisi bahagian dalam kedua-dua belah kaki.					
	3. Meniti pita pelekat yang dilekatkan.					
<i>2. Running</i>	1. Lengan bergerak dalam kedudukan sama dengan kaki.					
	2. Semasa berlari, lutut diangkat ke hadapan dan kemudian kaki					

	dihulur untuk mencecah tempat berpijak.					
	3. Berlari dengan laju.					
<i>3.Jumping</i>	1. Pergerakan persediaan termasuk fleksi kedua-dua lutut dengan lengan disandarkan ke belakang badan.					
	2. Lengan memanjang dengan kuat ke hadapan dan ke atas mencapai sambungan penuh di atas kepala.					
	3. Berlepas dan mendarat di kedua-dua kaki secara serentak.					
<i>4.Sliding</i>	1. Badan mengiring ke sisi supaya bahu sejajar dengan garisan di atas lantai.					
	2. Berjalan lurus dengan badan ditegakkan ke hadapan dan berjalan dengan arah tepi.					
	3. Sekurang-kurangnya empat kitaran slide ke langkah berterusan ke kanan atau kiri.					
<i>5.Striking</i>	1. Tangan dominan menggenggam pemukul di atas tangan bukan dominan.					
	2. Sisi badan yang tidak diutamakan menghadap ke hadapan.					
	3. Memukul bola dengan tepat.					
<i>6.Kicking</i>	1. Melangkah sebelum menyepak bola menggunakan kaki dominan.					
	2. Kaki untuk menendang ke belakang dan kaki tidak dominan ke hadapan.					
	3. Menendang bola mengena sasaran yang ditetapkan.					
Skor Prestasi						
Tahap penguasaan		Skor	Catatan			
SP 1:	Belum Menguasai					
SP 2:	Sederhana					
SP 3:	Menguasai					

Senarai semak digunakan untuk merekodkan tahap penguasaan yang ditunjukkan oleh kanak-kanak dalam melaksanakan aktiviti fizikal tersebut. Berikut merupakan Jadual 2 merupakan standard prestasi yang membantu pengkaji melihat tahap penguasaan yang ditunjukkan oleh kanak-kanak.

Jadual 2 Standard Prestasi

Skor	Tahap Penguasaan	Catatan
0 – 6	1 Belum Menguasai	Tahu melakukan aktiviti fizikal tetapi tidak dapat mengimbangi badan dengan baik
7 – 12	2 Sederhana	Tahu dan boleh melakukan aktiviti fizikal dengan bimbingan guru
13 – 18	3 Menguasai	Tahu dan boleh melakukan aktiviti fizikal dengan yakin dan betul tanpa bimbingan

Pengkaji akan mempunyai 18 jumlah skor secara keseluruhan yang terbahagi kepada 3 tahap penguasaan. Jumlah markah 18 tersebut diambil kira kerana terdapat 6 aktiviti fizikal lokomotor kasar dijalankan dan kanak-kanak perlu menguasai 18 kemahiran yang ditetapkan. Setiap rekod yang dicatatkan akan dianalisis menggunakan perisian statistik IBM SPSS. Jadual 3 merupakan hasil yang dicatatkan dalam senarai semak untuk Ujian Pra dan Ujian Pasca yang dijalankan oleh pengkaji.

Jadual 3 Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca

UJIAN: JUMLAH	Walking (W)		Running (R)		Jumping (J)		Sliding (S1)		Striking (S2)		Kicking (K)	
	P 1	P 2	P 1	P 2	P 1	P 2	P 1	P 2	P 1	P 2	P 1	P 2
P1	3	3	2	2	2	3	2	3	1	2	1	2
P2	3	3	1	3	1	3	2	2	2	3	2	2
P3	3	3	2	3	2	3	3	3	3	3	3	3
P4	3	3	2	2	1	1	2	3	1	2	1	3
P5	3	3	2	3	1	2	2	2	1	3	1	3
P6	3	3	2	3	1	3	2	3	1	2	2	2
P7	3	3	3	3	2	3	2	3	1	2	1	2
P8	3	3	2	3	2	3	2	3	3	3	3	3
P9	3	3	3	3	2	3	1	3	2	3	1	3
P10	3	3	3	3	3	3	1	3	1	3	1	3
L11	3	3	3	3	1	3	2	3	1	3	2	3
L12	3	3	1	3	1	3	2	3	2	3	2	3
L13	3	3	3	3	1	3	1	3	0	1	1	3
L14	2	3	3	3	1	2	2	2	2	3	1	3
L15	1	3	1	3	1	3	2	2	2	1	2	3
L16	3	3	2	3	1	3	2	3	2	3	2	3
L17	3	3	3	3	3	3	1	3	1	3	1	3
L18	3	3	3	3	3	3	1	3	1	3	2	3

L19	3	3	3	3	3	3	3	1	3	1	3	1	3
L20	3	3	1	2	0	2	2	2	2	2	2	2	3

Petunjuk:

P1: Ujian Pra

P2: Ujian Pasca

Hasil menunjukkan bahawa rata-rata atau lebih separuh jumlah kanak-kanak yang melaksanakan aktiviti fizikal mendapat markah penuh iaitu 3 markah. Hal ini menunjukkan suatu keputusan yang positif untuk mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran fizikal sama ada boleh melaksanakan aktiviti fizikal dengan baik sejajar dengan penguasaan lokomotor kasar kanak-kanak.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan analisis deskriptif untuk ujian pra mencatatkan (min=11.60, SP=1.667) dan analisis deskriptif untuk ujian pasca pula mencatatkan (min=11.70, SP=1.455). Analisis mendapati skor min yang tertinggi adalah ujian pasca (m=11.70). Keputusan diperolehi dianalisis menggunakan Perisian SPSS untuk mendapatkan jumlah skor min dan sisihan piawai yang diperlukan. Jadual 4 merupakan statistik deskriptif aktiviti fizikal Ujian Pra dan Ujian Pasca.

Jadual 4 Statistik Deskriptif Aktiviti Fizikal

	MIN	SISIHAN PIAWAI
UJIAN PRA		
Pra Walking	2.85	.489
Pra Running	2.25	.786
Pra Jumping	1.60	.883
Pra Sliding	1.80	.523
Pra Striking	1.50	.761
Pra Kicking	1.60	.681
UJIAN PASCA		
Pasca Walking	3.00	.000
Pasca Running	2.85	.366
Pasca Jumping	2.75	.550
Pasca Sliding	2.75	.444
Pasca Striking	2.55	.686
Pasca Kicking	2.80	.410

Dapatan analisis deskriptif untuk ujian pra iaitu aktiviti Pra Walking mencatatkan skor min tertinggi iaitu (M=2.85) dan (SP=.489). Dapatan analisis deskriptif untuk aktiviti fizikal kedua iaitu aktiviti Pra Running mencatatkan (m=2.25, SP=.786). Seterusnya, dapatan analisis deskriptif untuk aktiviti fizikal ketiga iaitu aktiviti Pra Jumping mencatatkan (m=1.60, SP=.883). Dapatan analisis deskriptif untuk ujian pra bagi aktiviti fizikal keempat yang dijalankan iaitu aktiviti Pra Sliding mencatatkan (m=1.80, SP=.523). Seterusnya, dapatan analisis deskriptif ujian pra bagi aktiviti fizikal kelima iaitu aktiviti Pra Striking mencatatkan

($m=1.50$, $SP=.761$). Dapatkan analisis deskriptif untuk ujian pra bagi aktiviti fizikal keenam iaitu aktiviti Pra Kicking mencatatkan ($m=1.60$, $SP=.681$). Berdasarkan analisis deskriptif ujian pra yang dilaksanakan, skor min ($m=2.85$) untuk aktiviti Pra Walking mencatatkan yang tertinggi dan aktiviti Pra Striking mencatatkan skor min terendah iaitu ($m=1.50$) untuk ujian pra.

Dapatkan analisis deskriptif untuk ujian pasca iaitu aktiviti fizikal yang pertama Pasca Walking mencatatkan ($m=3.00$, $SP=.000$). Dapatkan analisis deskriptif untuk ujian pasca bagi aktiviti fizikal yang kedua iaitu aktiviti Pasca Running mencatatkan ($m=2.85$, $SP=.366$). Seterusnya, dapatkan analisis deskriptif untuk ujian pasca bagi aktiviti fizikal ketiga iaitu aktiviti Pasca Jumping mencatatkan ($m=2.75$, $SP=.550$). Dapatkan analisis deskriptif untuk ujian pasca bagi aktiviti fizikal keempat iaitu aktiviti Pasca Sliding mencatatkan ($m=2.75$, $SP=.444$). Dapatkan analisis deskriptif untuk ujian pasca bagi aktiviti fizikal kelima iaitu aktiviti Pasca Striking mencatatkan ($m=2.55$, $SP=.686$). Dapatkan yang terakhir untuk analisis deskriptif untuk ujian pasca bagi aktiviti keenam iaitu aktiviti Pasca Kicking mencatatkan ($m=2.80$, $SP=.410$). Berdasarkan analisis deskriptif ujian pasca yang dilaksanakan, skor min yang tertinggi adalah aktiviti Pasca Walking ($m=3.00$) dan skor min yang terendah adalah aktiviti Pasca Striking ($m=2.55$).

Secara keseluruhan, berdasarkan analisis deskriptif untuk ujian pra dan analisis deskriptif ujian pasca mencatatkan aktiviti Pasca Walking mendapat skor min yang paling tertinggi ($m=3.00$) dan aktiviti Pra Striking mencatatkan skor min terendah iaitu ($m=1.50$). Hal ini menunjukkan kanak-kanak menguasai aktiviti Walking dengan baik setelah melaksanakan aktiviti intervensi secara berkala.

PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membincangkan mengenai dapatan kajian yang diperolehi dan akan dibincangkan mengikut persoalan kajian yang ditetapkan. Hasil daripada analisis deskriptif bagi objektif yang dilaksanakan mendapati min skor tertinggi adalah pada ujian pasca iaitu ($m=11.70$) berbanding min skor ujian pra. Manakala, aktiviti fizikal iaitu sebanyak enam aktiviti fizikal yang dijalankan pada ujian pra dan ujian pasca menunjukkan peningkatan min skor selepas aktiviti intervensi dilaksanakan. Aktiviti Pasca Walking memperoleh min skor tertinggi untuk ujian pra dan ujian pasca iaitu ($m=3.00$) dengan sisihan piawai nya ($.000$). Hal ini menunjukkan bahawa kesemua kanak-kanak yang dipilih berjaya melaksanakan aktiviti Pasca Walking dengan baik setelah melakukan aktiviti intervensi sebanyak dua kali bersama-sama guru.

Aktiviti intervensi selama empat minggu yang dilaksanakan mampu membantu kanak-kanak menguasai kemahiran fizikal motor kasar iaitu berjalan dengan baik. Teori Gesell menekankan keupayaan untuk mengajar kanak-kanak tentang perkara terlebih dahulu sebelum mengajar jadual. Kanak-kanak akan mudah memahami kemahiran fizikal apabila mereka diajar terlebih dahulu dan memberikan contoh bagaimana melaksanakan aktiviti fizikal supaya kanak-kanak dapat mengikuti setiap perkembangan yang diajar dengan baik. Apabila kanak-kanak sudah melalui tempoh bersedia untuk melaksanakan aktiviti fizikal, kanak-

kanak dapat menguasai kemahiran motor kasar dengan baik dan sesuai dengan peringkat usia mereka. (Razak, et al, 2009).

Aktiviti Pra Striking mencatatkan min skor yang terendah untuk ujian pra dan ujian pasca iaitu ($m=1.50$) dengan sisihan piawai (.761). Aktiviti striking merupakan aktiviti menendang bola mengena sasaran yang telah ditetapkan. Kanak-kanak pada peringkat awal mengalami kesukaran untuk menendang bola dengan baik disebabkan objek yang digunakan terlalu kecil dan menyukarkan kanak-kanak untuk menendang dengan baik. Apabila guru melaksanakan aktiviti intervensi menggunakan bola yang bersaiz sesuai dengan peringkat usia kanak-kanak, dan melaksanakan ujian pasca di mana Pasca Striking menunjukkan peningkatan min skor iaitu ($m=2.55$). Hal ini disebabkan guru tidak mengenal pasti bahawa saiz bola yang digunakan yang kecil menyukarkan kanak-kanak untuk menendang dengan baik. Kajian Jain, et al, (2018) menyatakan guru perlu menunjukkan kemahiran dan kemampuan dalam merancang serta melaksanakan aktiviti yang bersesuaian dengan kemahiran seseorang kanak-kanak. Guru pada masa kini yang kurang pengetahuan dalam bidang awal kanak-kanak menyebabkan kelancaran sesebuah aktiviti terganggu.

Kanak-kanak mengalami kesukaran melaksanakan aktiviti yang melibatkan motor kasar disebabkan tumbesaran atau saiz fizikal tubuh badan yang kecil. Kebanyakan kanak-kanak yang dipilih mempunyai saiz fizikal yang sedikit kecil daripada beberapa orang kanak-kanak lain. Hal ini disebabkan faktor genetik, faktor kesihatan dan faktor keluarga yang menyebabkan kanak-kanak menjadi sukar untuk menguasai kemahiran motor kasar dengan baik. Faktor genetik menjadi salah satu sebab kanak-kanak sukar membaling bola dengan baik kerana saiz telapak tangan yang kecil dan tidak dapat memegang bola dengan baik (Sawal & Lian, 2023). Jika dilihat ianya disebabkan saiz fizikal tubuh badan keluarga kanak-kanak tersebut yang kecil menjadi penyebab utama kanak-kanak sukar melaksanakan aktiviti Striking.

Menurut Ali, et al, (2020), faktor genetik antara penyebab utama kepada keupayaan fizikal setiap kanak-kanak berbeza dan penguasaan kemahiran yang berbeza-beza. Terdapat juga kanak-kanak yang mengalami masalah kesihatan iaitu sering demam yang menyebabkan mereka tidak dapat melaksanakan aktiviti fizikal dengan baik. Perkara ini disokong oleh kajian (Rugreudee, et al, 2020) di mana kumpulan pengkaji tersebut menjelaskan tumbesaran seseorang kanak-kanak berkait rapat dengan penguasaan perkembangan fizikal mereka sama ada menguasai atau lemah.

Menurut Nur Wulan, et al, (2021) menyatakan tahap kesihatan kanak-kanak menjadi ukuran kepada perkembangan kemahiran motor kanak-kanak kerana kanak-kanak yang sihat boleh melaksanakan aktiviti dengan baik dan kanak-kanak yang lemah sukar melaksanakan aktiviti dengan baik. Oleh itu, guru perlu kerap melaksanakan permainan atau aktiviti fizikal dalam Pendidikan Jasmani untuk meningkatkan daya fizikal dan kecekapan kanak-kanak untuk menguasai perkembangan motor kasar dengan baik (Asraff & Halijah, 2017).

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI

Kajian ini memberikan implikasi kepada pelbagai pihak khususnya kepada ibu bapa, guru dan kanak-kanak itu sendiri serta pengkaji yang seterusnya di mana akan mengkaji kajian menyelami tahap perkembangan kemahiran motor kasar dalam aktiviti lokomotor bagi kanak-kanak prasekolah. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan ini, guru boleh mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran motor kanak-kanak sama ada mengikut peringkat usia kanak-kanak atau pun tidak. Guru boleh merekodkan tahap prestasi yang ditunjukkan oleh kanak-kanak dan menyimpan dalam buku prestasi. Tujuannya adalah memudahkan guru untuk melihat tahap penguasaan kanak-kanak sama ada meningkat secara positif ataupun semakin menurun. Rekod yang disimpan turut memudahkan guru untuk menjelaskan tahap prestasi kanak-kanak kepada ibu bapa apabila sesi perjumpaan bersama ibu bapa diadakan.

Implikasi kajian ini melihat bahawa bukan sahaja masalah kesihatan obesiti menjadi punca kanak-kanak tidak dapat melaksanakan aktiviti fizikal dengan baik, tetapi tahap kesihatan kanak-kanak yang sering demam menjadi salah satu penyebab kepada kemampuan kanak-kanak untuk melaksanakan aktiviti fizikal tersebut. Keadaan kanak-kanak yang mudah penat ekoran tahap kesihatan yang rendah menyebabkan guru perlu peka dan tidak memaksa kanak-kanak melaksanakan aktiviti dengan bersungguh-sungguh. Menurut MD, et al, 2011, kesihatan kanak-kanak terjejas ekoran mereka sering duduk tanpa melakukan aktiviti fizikal dengan kerap. Bukan itu sahaja, kanak-kanak tidak dapat melaksanakan aktiviti fizikal dengan baik bukan disebabkan terdedah dengan gadget. Namun mereka gugup dan takut kerana tidak pernah melaksanakan aktiviti sebegitu sebelumnya.

Terdapat cadangan untuk pengkaji yang seterusnya atau pengkaji akan datang untuk membuat kajian lanjutan mengenai tajuk ini. Cadangan yang boleh dilaksanakan adalah menambah aktiviti fizikal yang lain untuk melihat tahap perkembangan motor kanak-kanak sama ada memberangsangkan ataupun tidak. Penambahan aktiviti fizikal yang lain dan lebih sukar membantu guru melihat tahap penguasaan kanak-kanak dalam kemahiran motor kasar. Hasil dapatan dan data yang diperolehi lebih banyak dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Secara kesimpulannya, pelaksanaan aktiviti intervensi membuahkan hasil yang positif di mana data ujian pasca menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dalam kalangan kanak-kanak. Kanak-kanak menunjukkan komitmen yang tinggi dalam memberikan perhatian apabila guru menunjukkan cara pelaksanaan aktiviti intervensi sebelum melaksanakan sendiri. Hal ini disebabkan kanak-kanak memahami arahan dan boleh mengikut arahan dengan baik sehingga memperolehi peningkatan dalam ujian pasca. Diharapkan kajian yang dilaksanakan dapat memberikan penjelasan dan pengetahuan dalam perkembangan motor kasar kanak-kanak pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Abdul Razak, I., Mohd Aizzizi, M.N., & Mohd Bob Halil, M. 2009. *Teori Kematangan Arnold Gesell*. Tesis Diploma Pendidikan, Fakulti Pendidikan. Selangor: Universiti Industri Selangor, Bestari Jaya.
- Lieberman, L. J. 2022. Perceived Motor Competence Mediates the Relationship Between Gross Motor Skills and Physical Activity in Youth with Visual Impairments. *Research Quarterly for Exercise and Sport*, 93(2), 310-317. <https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/02701367.2020.1831688>
- Bachtiar., M. Y. 2012. Arnold Gesell dan Model Permatangan. *Publiskasi*, 11(3), 193-198.
- Dinkel. D., P. Rech. J., Guo. Y., Bice. M., Hulse. E., Behrends. D., Burger. C. & Dev. D. 2021. Examining Differences in Achievement of Physical Activity Best Practices Between Urban and Rural ChildCare Facilities by Age. *Early Childhood Education Journal*. 2022. 50:481-491. <https://doi.org/10.1007/s10643-021-01169-2>
- Emison, A., Ompok, C. C., Boon Hee, K., & Pang, V. (2022). EcoCampus UMS Sebagai Persekitaran Pembelajaran Luar untuk Pencapaian Awal Matematik dalam kalangan Kanak-kanak Prasekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8), e001730. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1730>
- Hoehner, C. M., Handy, S. L., Yan, Y., Blair, S. N., & Berrigan, D. (2011). Association between neighbourhood walkability, cardiorespiratory fitness and body-mass index. *Social science & medicine*, 73(12), 1707-1716. <https://doi.org/10.1016/j.socscimed.2011.09.032>
- Irwan Mahazir, I., Siti Khadijah, A., Selvan Subramaniam, Mohd Hasril, A., & Mohd Erfy, I. 2017. *Penerapan Elemen Perkembangan Kognitif, Psikomotor dan Sosio-emosi dalam Permainan dalam Mencapai Objektif Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan*. Tesis Sarjana Muda, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Johor: Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. <https://penerbit.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/4803>
- Jain, C., Mariani, M. N., Abdul Jalil, O., & Mohd Nazri, A.R. (2018). Isu Pengetahuan Kandungan, Pedagogi dan Teknologi dalam Kalangan Guru Prasekolah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. E-ISSB: 2289-3008, 6(1) 7-21.
- Khadir, M. S. A., Tajudin, A. S. A., Tan, K., & dan Kejurulatihan, F. S. S. (2013). Faktor mempengaruhi tahap kecergasan dalam kalangan remaja dan kanak-kanak di kawasan bandar dan luar bandar: Kajian ulasan. *J. Sports Sci. Phys. Educ*, 2, 17-23.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2017. *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum. <http://bpk.moe.gov.my/index.php/terbitan-bpk/pra-sekolah/category/40-dskp?download=1882:01-dskp-kspk-semakan-2017>
- Md. M. A., Li, Z., & Bommer., W. J. 2011. Obesity and Physical Fitness in California School Children. *American Heart Journal*. 163(2), 302-312. <https://doi.org/10.1016/j.ahj.2011.10.020>
- Mohd Fazree, S. D., & Zakaria, S. M. (2019, October 14). Kesan Penggunaan Gajet Kepada Perkembangan Kognitif dan Sosial Kanak-Kanak

- Prasekolah. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(4), 1 - 6.
<https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/19>
- Muhibbin & M. Arif Hidayatullah. 2020. Implementasi Teori Belajar Konstruktivisme Vygotsky pada Mata Pelajaran PAI di SMA Sains Qur'an Yogyakarta. *Jurnal Pendidikan Islam*, 5(1), 114-130.
<http://journal.iaincurup.ac.id/index.php/belajea/article/view/1423>
- Ngadiman., A. A., & Mohamad Ashari., Z. 2018. Sikap Terhadap Gajet Teknologi dan Kesannya Kepada Sosio-Emosi Pelajar: Kajian Meta-Analisis. *Sains Humanika*, 10(3-2) 89-94.
<https://sainshumanika.utm.my/index.php/sainshumanika/article/view/1492/795>
- Nur Wulan, M., Farida Samad., Rita Samad & Fatoni A. 2021. Analisis Gerak Lokomotor dalam Permainan Tradisional dalam Permainan Hadang Kelas B1 Usia 5-6 Tahun di Paud Negeri Pembina 1 Kota Ternate. *Jurnal Ilmiah Cahaya Paud*, 3(2) 1-14, E-ISSN 2807-5552.
<http://ejournal.unkhair.ac.id/index.php/cahayapd/article/view/3631>
- Nuryati & Darsinah. 2021. Implementasi Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget dalam Pembelajaran Matematika di Sekolah Dasar. *Jurnal Papeda*, 3(2), 153-163.
- Rungreudee, T., Surussawadi, B., Lugkana, M., Orawan, K., & Wantana, S. 2020. Gross Motor Development of Thai Healthy Full-term Infants Aged from Birth to 14 Months Using the Alberta Infant Motor Scale: Inter Individual Variability. *Early Human Development*, 151(2020), 105-111.
<https://doi.org/10.1016/j.earlhumdev.2020.105169>
- Samsuddin, A. R., & Md Yusof, H. (2020). Penggunaan gajet terhadap perkembangan kanak-kanak prasekolah: Gadget usage on the development of preschool children. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9, 113–126. <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/4543>
- Sawal, A.A., & Lian, D. K. C. 2023. Hubungan antara aktiviti fizikal dan BMI dalam kalangan kanak-kanak Prasekolah. *Jurna Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 6(19), 93-99. <https://doi.org/10.55573/JOSSR.061900>
- Segura-Martinez. P., Molina-Garcia. J., Ana Queralt., Maria del Mar. B., A. Martinez-Bello, D., & E. Martinez-Bello. V. 2021. *An Indoor Physical Activity Area for Increasing Physical Activity in the Early Childhood Education Classroom: An Experience for Enhancing Young Children's Movement*. *Early Childhood Education Journal*, 2021, 49:1125-1139.
<https://doi.org/10.1007/s10643-020-01125-6>
- Seman, N., Awang, Z., Jani, N., Atan, A., & Md Ali, H. (2022). Implementation of Developmental Appropriate Practices (DAP) of Pupils among Early Childhood Educators in Malaysia: Implementasi Amalan Bersesuaian dengan Perkembangan (ABP) Murid dalam Kalangan Pendidik Awal Kanak-Kanak di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15, 62–75.
<https://doi.org/10.37134/bitara.vol15.sp.7.2022>
- Ying, C. S., & Koh, D. (2021). Integrasi Aktiviti Fizikal Dalam Bilik Darjah Terhadap Kanak-Kanak Tahun Satu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 324-333. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/14113/7248>